

30/08/2002

Hampir sejuta pekerja awam dapat opsyen SSM Oktober

JOHOR BAHRU, Khamis - Kerajaan akan mengedarkan surat tawaran atau opsyen Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada hampir sejuta kakitangan perkhidmatan awam mulai Oktober depan.

Menerusi surat itu, kakitangan perkhidmatan awam diberi peluang memilih SSM atau kekal di bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

Bagaimanapun Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, menggesa kakitangan awam memilih SSM kerana ia lebih baik dan menggabungkan beberapa perubahan berbanding SSB.

"SSM seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Julai lalu bukanlah satu proses bagi semakan gaji sebaliknya satu penambahbaikan kepada sistem sekarang," katanya selepas majlis sambutan Hari Kualiti dan Anugerah Khidmat Cemerlang Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Dewan Sultan Iskandar di sini, hari ini.

Hadir sama, Naib Canselor UTM, Datuk Prof Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof Dr Azraai Kassim.

Pada majlis itu, kira-kira 100 kakitangan pentadbiran dan akademik UTM menerima Anugerah Khidmat Cemerlang dan Anugerah Kepujian Universiti.

Pada 30 Julai lalu, Dr Mahathir mengumumkan SSM yang akan menggantikan SSB mulai 1 November depan, memberi lebih banyak faedah terutama bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya kepada kakitangan awam.

Menerusi SSM, penilaian kecekapan kakitangan dibuat melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan bagi menentukan kemajuan kerjaya dan gaji tahunan, selain laporan prestasi serta pengakuan ketua jabatan.

SSM adalah dasar ketiga diperkenalkan kerajaan selepas SSB yang diperkenalkan pada 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan di bawah laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet sejak 1976.

Mengulas lanjut mengenai pengedaran borang SSM itu, Samsudin berkata kerajaan masih membenarkan mereka yang masih kekal mengikut Sistem Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet membuat pilihan berubah ke SSM walaupun selepas skim baru itu dilaksanakan.

"Kerajaan memberi peluang yang cukup bagi setiap kakitangan awam menentukan demi kebaikan dan masa depan masing-masing," katanya.

Mengenai dakwaan ramai kakitangan awam masih kurang jelas mengenai SSM, Samsudin berkata, pada masa ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang mengatur perjumpaan di semua negeri dan kementerian bagi menjelaskan secara terperinci skim itu.

"Langkah itu penting bagi memastikan kakitangan awam faham mengenai SSM sekiranya memilihnya. Malah pentadbir juga perlu faham dengan baik bagi mengelak kesilapan," katanya.

Mengenai saranan Cuepacs yang mahu kadar kenaikan gaji RM15 bagi kumpulan sokongan ditambah, Samsudin berkata, kerajaan harus dibenarkan melaksanakan SSM dulu bagi melihat sejauh mana keberkesanannya.

"Saranan Cuepacs ada asasnya tetapi mereka kena tunggu dulu... biarlah SSM dilaksanakan November depan.

"Malah, SSM bukan semakan gaji secara menyeluruh tetapi hendak menambahbaikan SSB serta memperbaiki kelemahan sistem sedia ada demi kepentingan kakitangan perkhidmatan awam," katanya.